

Bahagian A (30 markah)

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang peranan pemimpin pelajar di sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan.

1. Calon menghuraikan peranan pemimpin pelajar di sekolah.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
 - Memastikan peraturan sekolah dipatuhi
 - Membantu menjayakan program sekolah
 - Memantau keceriaan dan kebersihan sekolah
3. Sekiranya calon menambah isi lain berkaitan peranan pemimpin pelajar di sekolah, isi tersebut boleh diterima, periksa seperti biasa.
4. Soalan yang dikemukakan ialah peranan pemimpin pelajar di sekolah. Calon mengemukakan peranan pengawas sekolah, pengawas pusat sumber sekolah dan pemimpin pelajar lain, periksa seperti biasa.
5. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, periksa seperti biasa.
6. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis lebih panjang.
7. Karangan tidak sampai 200 patah perkataan tidak layak dapat *Cemerlang*. Maksimum Kepujian (20 – 25).

Soalan 1

Sebagai warganegara yang cinta akan negara sendiri, kita sepatutnya mempunyai rasa bangga akan kelebihan negara ini.

Huraikan cara anda menunjukkan perasaan bangga akan negara.

Kehendak Soalan.

Calon perlu menulis cara-cara menunjukkan perasaan bangga akan negara.

1. Calon mesti menulis tentang:
 - 1.1 Kelebihan negara Malaysia
 - Diversiti / kepelbagai kaum – Melayu, Cina dan India / hidup harmoni / hormat-menghormati
 - Kemajuan negara – seni bina, ekonomi, teknologi
 - Keindahan panorama – kaya alam semula jadi – pulau-pulau, tempat bersejarah
 - 1.2 Cara-cara menunjukkan perasaan bangga (cadangan idea)
 - Kibar Jalur Gemilang – rasa cinta / patriotisme kepada negara
 - Pertahan maruah negara apabila timbul isu melibatkan negara
 - Bekerja keras dan gigih berusaha mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang – sukan / akademik
 - Menjalin hubungan erat dengan masyarakat pelbagai kaum – mengekalkan perpaduan kaum
 - Kerjasama menjaga keselamatan negara – melestari keamanan dan kemakmuran negara – pilih kerjaya sebagai polis atau tentera – berkhidmat untuk negara
 - Memilih dan menggunakan barang buatan Malaysia – setanding dengan barang import / memilih untuk melancong di dalam negara.
2. Sekiranya calon tidak menyentuh kelebihan Malaysia dan hanya menghuraikan cara menunjukkan perasaan bangga secara umum, peringkat Baik (51 – 65).

3. Calon mestilah mengemukakan idea tentang:
- 3.1 Jenayah melibatkan kanak-kanak seperti penderaan / buli
 - 3.2 Langkah pelbagai pihak menangani masalah ini

Cadangan idea ialah:

- Ibu bapa – mendidik anak-anak dan memberi kasih sayang
- Pihak kerajaan – memperkasa Dasar Perlindungan Kanak-kanak sedia ada atau memperkenalkan undang-undang baharu untuk melindungi kanak-kanak
- Pihak kerajaan – menyediakan talian khusus untuk orang ramai membuat laporan berkaitan isu ini
- Masyarakat – lebih peka – segera membuat laporan sekiranya berlaku sebarang kes yang melibatkan kanak-kanak
- Masyarakat – menjalinkan hubungan dengan komuniti setempat dan menanam rasa tanggungjawab dan prihatin antara satu sama lain

Soalan 4

Menceburi bidang perniagaan dalam talian dapat mengurangkan peratus pengangguran dalam kalangan masyarakat.

Huraikan kelebihan-kelebihan perniagaan dalam talian.

Kehendak Soalan.

1. Calon dikehendaki mengemukakan kelebihan-kelebihan perniagaan dalam talian.
2. Calon mestilah mengemukakan idea tentang bidang perniagaan dalam talian dan dapat mengurangkan kadar pengangguran

Cadangan idea :

- mudah dimulakan / modal yang rendah / tidak perlu menyewa premis
- urus niaga dapat beroperasi 24 jam / mengikut kelapangan / fleksibiliti masa
- jaringan pasaran / pelanggan yang luas / termasuk luar negara

Soalan 2

Kewujudan masyarakat penyayang dilihat sebagai kaedah paling berkesan untuk mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia.

Huraikan peranan yang perlu dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat penyayang.

Kehendak soalan

1. Calon perlu menulis peranan untuk mewujudkan masyarakat penyayang.
2. Cadangan idea :
 - Ibu bapa – berusaha mewujudkan keluarga bahagia
 - Ibu bapa – mendidik anak-anak supaya menghormati / mengasihi jiran tetangga
 - Kerajaan – mengadakan kempen masyarakat penyayang
 - Media massa – menyiaran rancangan / dokumentari yang memaparkan kepentingan masyarakat penyayang
 - Sekolah – berusaha mewujudkan budaya penyayang – guru bertugas menyambut kadatangan pelajar, menyambut hari lahir guru dan pelajar
3. Sekiranya calon tidak menyentuh peranan tersebut dapat mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia, maksimum Kepujian (66 – 79).

Soalan 3

Jenayah yang melibatkan kanak-kanak seperti penderaan dan buli dilihat semakin menjadi-jadi.

Tulis sebuah rencana berkaitan dengan langkah pelbagai pihak untuk menangani isu tersebut.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menulis sebuah rencana berkaitan dengan langkah pelbagai pihak menangani jenayah yang melibatkan kanak-kanak.
2. Karangan berformat rencana
 - Tajuk (bebas)
 - Penulis

Tanpa format, calon tidak layak mendapat Cemerlang. markah maksimum Kepujian (66 – 79).

Soalan 5

Bidalan banyak berjalan luas pengalaman menggalakkan kita supaya meneroka alam yang luas.

Nyatakan manfaat yang diperoleh apabila kita banyak berjalan.

Kehendak Soalan

1. Calon mengemukakan manfaat yang diperoleh apabila banyak berjalan / melancong / mengembara.
2. Cadangan idea :
 - Hidup berdikari – semua perkara harus dilakukan sendiri – pengurusan yang baik
 - Lebih mencintai negara asal / negara sendiri / meningkatkan patriotisme
 - Meningkatkan rasa ingin tahu
 - Menambahkan maklumat dan pengetahuan tentang pelbagai perkara – budaya hidup / sejarah – memberi pengajaran kepada diri sendiri
 - Berani berdepan dengan cabaran / belajar menjadi lebih tabah
 - Mencabar diri untuk menguasai beberapa kemahiran / berbahasa / kemahiran berkomunikasi

Pendahuluan [2 markah]

- P1 Petikan membincangkan implikasi / impak / akibat / keburukan / natijah apabila berlaku banjir di Malaysia / di negara kita.
- P2 Petikan membincangkan implikasi / impak / akibat / keburukan / natijah apabila berlaku banjir dan peranan ibu bapa untuk menjamin keselamatan anak-anak mereka.
- P3 Rumusan membincangkan implikasi / impak / akibat / keburukan / natijah apabila berlaku banjir dan peranan kerajaan untuk menghadapi bencana tersebut.
- P4 Petikan / Rumusan membincangkan implikasi / impak / akibat / keburukan / natijah apabila berlaku banjir.

Markah

2

2

2

1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- S1 mengundang pelbagai penyakit
- S2 sistem badan terganggu
- S3 kanak-kanak terdedah kepada risiko kecederaan kerana terkena benda tajam
- S4 kanak-kanak boleh dibawa arus deras dan kelemasan
- S5 menjadi tempat tumpuan binatang berbisa
- S6 mangsanya menghadapi tekanan emosi
- S7 harta benda rosak
- S8 kes kecurian juga sering berlaku
- S9 kerajaan menanggung kos membaik pulih infrastruktur yang rosak

- T4 memberi barang keperluan asas / bantuan kepada mangsa
- T5 menggerakkan anggota penyelamat
- T6 menyediakan peruntukan khas menghadapi banjir
- T7 membina tebatan banjir
- (Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, mangsa banjir haruslah mematuhi arahan pihak berkuasa supaya keselamatan mereka terjamin.
- K2 Kesimpulannya, mangsa banjir haruslah menerima arahan pihak berkuasa.

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Koleksi www.bmspm.net

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- T1 memastikan amaran banjir berfungsi
- T2 hebahan tentang banjir menerusi media massa
- T3 membuka bilik gerakan / pusat pemindahan banjir

2

2

2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi 'seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan isi baik Struktur ayat / tatabahasa baik Kosa kata luas Tanda bacaan / ejaan betul
	15 – 17	7 – 8	
Sederhana	12 – 14	6 – 7	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan isi masih baik Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan Kosa kata masih memuaskan Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
	8 – 11	4 – 6	
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- Jika bahasanya baik, tambah 1 markah lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : 9 markah
 Soalan 2(b) : 9 markah
 Soalan 2(c) : 8 markah
 Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

- Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
• Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
• Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
• Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) **Maksud**
 - Tiap-tiap / setiap saat / ketika
 - Tiap-tiap / setiap waktu
 - Saban saat / ketika

2

1

1

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Peranan ibu bapa**

- P1 mengawasi anak-anak bermain banjir
 P2 menasihati anak-anak mereka supaya tidak terpengaruh dengan kawan-kawan untuk bermain banjir
 P3 memberitahu anak-anak tentang bahaya banjir

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Peranan anda untuk membantu mangsa banjir**

- P1 menyertai badan sukarelawan
 P2 menyertai gotong-royong
 P3 memberi barang keperluan harian
 P4 mengumpul dana / derma
 P5 memberi motivasi / sokongan moral

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****Jawapan 2(b) – Prosa Moden****Markah****(i) Pandangan bonda tentang sejarah**

- P1 sejarah bukan buta
 P2 sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta
 P3 bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua

1

1

1

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Persediaan-persediaan**

- P1 mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup
 P2 memiliki kemahiran-kemahiran tertentu
 P3 mempunyai jati diri yang mantap
 P4 berdaya saing
 P5 bijak mencari peluang

1

1

1

1

(Persediaan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Pengajaran dalam petikan**

- P1 Kita perlulah mempunyai semangat patriotisme

Contoh : Bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri penulis (Mel) / harapan bonda moga-moga penulis (Mel) menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri

[1+1]

- P2 Kita wajarlah berani menyuarakan pendapat terhadap sesuatu perkara

Contoh : Penulis (Mel) mengatakan bahawa dunia ini sudah berubah / mereka bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah / mereka hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini / tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja / kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata / sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi

[1+1]

- P3 Kita mestilah mengambil iktibar daripada sejarah silam

Contoh : Bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau

[1+1]

Pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen:

K1 Kita hendaklah gigih apabila melakukan sesuatu pekerjaan

Contoh: Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.

[1+1]

K2 Kita hendaklah taat kepada perintah dan larangan kedua-dua ibu bapa

Contoh: Penulis (Mel) tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar.

1+1

K3 Kita hendaklah rajin membaca untuk meningkatkan ilmu pengetahuan

Contoh : Penulis (Mel) telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik bondanya.

[1+1]

(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[isi cukup : 2 isi (P + K)]

Koleksi www.bmsbm.net

Jawapan 2(c) – Prosa Tradisional**Markah****i) Maksud**

- P1 mengucapkan / melafazkan manteranya / jampinya
- P2 mengucapkan / melafazkan pustakanya
- P3 membaca manteranya / jampinya

2

1

1

[Maksimum : 2 markah]**ii) Alasan Temenggung**

- P1 Pada malam itu Temenggung sendiri yang berkawal
- P2 berkawal di segenap pintu dan rumah saudagar dan orang-orang kaya
- P3 tidak bertemu dengan pencuri-pencuri itu
- P4 telah mematuhi / menurut perintah raja

1

1

1

1

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup 2]**iii) Langkah-langkah**

- P1 sentiasa mengunci pintu dan pagar rumah
- P2 tidak meninggalkan barang berharga ketika keluar dari rumah
- P3 berpesan kepada jiran jika mahu bercuti
- P4 tidak membenarkan orang yang tidak dikenali masuk ke dalam rumah

1

1

1

1

(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup 2]

Jawapan 2(d) – Sajak

- i) **Dua harapan**
 P1 datang menjenguknya
 P2 insaf
 P3 menjadi penawar dalam hati / pengubat kesepian

Markah1
1
1

[Maksimum : 2 markah]
 [isi cukup : 2 isi]

- ii) **Cara-cara**
 P1 menyimpan wang
 P2 memiliki insurans
 P3 memiliki rumah sendiri / harta
 P4 tinggal di rumah orang-orang tua / pusat rehabilitasi
 P5 mengisi masa dengan aktiviti berfaedah / kebajikan

1
1
1
1
1

(Cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
 [isi cukup : 2 isi]

- iii) **Dua nilai :**

P1 Kasih sayang

Contoh : Penyajak sangat mengasihi anak-anak yang dilahirkannya walaupun mereka sudah melupakannya.

P2 Bertanggungjawab

Contoh : Anak-anak penyajak perlu bertanggungjawab menjaga ibu bapa mereka ketika mereka sudah tua, bukannya tolak-menolak sesama mereka

[1+1]

P3 Keprihatinan

Contoh : Anak-anak penyajak sepatutnya prihatin terhadap ibu bapa mereka yang sudah tua dengan menziarahinya dan tidak membiarkan ibu bapa mereka sentiasa tertunggu-tunggu.

[1+1]

P4 Berdikari

Contoh : Penyajak terpaksa hidup sendiri tanpa bergantung kepada anak-anak yang tidak menghiraukannya

[1+1]

P5 Keinsafan

Contoh : Penyajak terus mendoakan agar anak-anaknya insaf dan mengingatkan kematian kepada mereka

[1+1]

[Maksimum : 4 markah]
 [isi cukup : 2 isi]

Soalan 3**Markah penuh dibahagikan kepada:**

- Soalan 3(a) : 6 markah
 Soalan 3(b) : 6 markah
 Soalan 3(c) : 6 markah
 Soalan 3(d) : 6 markah
 Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

- Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
- Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
- Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
- Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
- Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
- Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
- Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
- Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
- Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat tersebut.

Jawapan 3(a)

(i) **besar**
 tidak kecil (ukurannya), penting, dewasa

(ii) **membesar**
 nampak besar, menjadi besar

(iii) **membesar-besarkan**
 menambah atau melebih-lebihkan sesuatu (spt kejayaan, kesusahan, cerita dsb) daripada keadaan yg sebenarnya

(iv) **memperbesar**
 menjadikan lebih besar

(v) **pembesar**
 orang yang berpangkat tinggi

(vi) **pembesaran**
 perbuatan membesar (sesuatu), perihal (proses) menjadi besar

Jawapan 3(b)

- (i) Buah-buah durian yang luruh pada pagi itu dikumpulkan dan dimasukkan oleh Pak Samad ke dalam guni untuk dibawa ke pekan.
- (ii) Puan Jusnita yang sedang sakit itu telah dirawat oleh Pakar Sakit Puan, Doktor Zahirah.
- (iii) Cikgu Kamarul telah dilantik oleh pengetua sebagai guru disiplin kerana ketegasannya menjalankan tugas.

Jawapan 3 (c)

- | | | | |
|-------|-------------------------------|---|----------------------------|
| (i) | tanda tangan
pohonan | - | tandatangan
permohonan |
| (ii) | eko-pelancongan
mengayakan | - | ekopelancongan
kekayaan |
| (iii) | ekpress
mengenal pasti | - | ekspres
dikenal pasti |

Jawapan 3 (d)

- | | | | |
|-------|-------------------------|---|---------------------------|
| (i) | berjuang
demi untuk | - | berkorban
demi / untuk |
| (ii) | sukarelawan
di dalam | - | dermawan
dalam |
| (iii) | kejatuhan
sebab | - | keruntuhan
kerana |

Jawapan 3 (e)

- (i) seperti pahat dengan penukul / bagi pahat tidak ditukul tidak makan
- (ii) bagi melepaskan batuk di tangga
- (iii) nasi telah menjadi bubur

Soalan 4 - Novel

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 (iii) Beri 2 markah bagi **sebab / alasan yang lengkap / jelas**.
 (iv) Beri 1 markah bagi **sebab / alasan yang kurang lengkap / kurang jelas**.
 (v) Markah bahasa maksimum 3
 (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*
 (vii) Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
 (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 (ix) Calon tidak menjawab 0 markah
- [Maksimum : 7 markah]**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah buah novel yang dipelajari
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 (iii) Beri 1 markah bagi setiap latar masyarakat yang betul.
 (iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian latar masyarakat yang betul
 (v) Markah isi maksimum 6
 (vi) Markah bahasa maksimum 2
 (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah: 1 markah
 (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 (ix) Calon tidak menjawab 0 markah
- [Maksimum : 8 markah]**

4 (a) Sebab bahagian permulaan menarik minat**Novel Pantai Kasih**

- (i) Dr Raiha mempersoalkan filem sinar-X milik pesakit Unong Siron kepada Dr Uwang. Beliau mendapati ada sesuatu yang tidak kena pada filem tersebut. Pembaca ingin mengetahui perkara sebenar yang telah dilakukan oleh Dr Uwang terhadap pesakitnya iaitu Unong Siron dalam pembedahan sebelum itu.
- (ii) Dr Raiha digambarkan mengalami kecelaruan dari segi emosi ketika berada di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Dalam kesunyian, dadanya berdebar dan darah menyirap ke wajahnya. Pembaca ingin mengetahui punca-punca Dr Raiha mengalami gangguan emosi.

- (iii) Dr Raiha baru selesai menjalankan pembedahan sendi tulang pinggul ke atas Unong Siron. Pembaca ingin mengetahui sama ada pembedahan itu berjaya menyembuhkan penyakit Unong Siron atau tidak.
- (iv) Bapa Dr Raiha pernah melarang Dr Raiha berkahwin dengan Dr Sadiz kerana sikapnya yang angkuh dan umurnya yang lebih tua daripadanya. Pembaca ingin mengetahui kesudahan perkahwinan Dr Raiha dan Dr Sadiz.
- (v) Bapa Dr Raiha pernah melarang Dr Raiha menjadi seorang pakar bedah kerana tugas itu hanya sesuai untuk kaum lelaki. Pembaca ingin mengetahui kemampuan Dr Raiha menjalankan tugas sebagai doktor bedah.

Novel Bimasakti Menari

- (i) Nurul Hafsa menghadapi masalah pada hari pertama bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor kerana rombongan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima tidak dapat melihat bintang-bintang di langit. Pembaca ingin mengetahui tindakan yang akan dilakukan oleh Nurul Hafsa untuk mengembalikan bintang-bintang di langit.
- (ii) Nurul Hafsa telah menerangkan kepada kanak-kanak dari Jepun tentang asal-usul nama-nama bintang. Pembaca ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan bintang-bintang di langit serta ilmu falak.
- (iii) Rombongan dari Jepun juga melahirkan rasa kecewa kerana tidak dapat melihat kelip-kelip di Kuala Selangor. Pembaca pasti tertanya-tanya tindakan Nurul Hafsa untuk mengembalikan kelip-kelip di Kuala Selangor.
- (iv) Ketua rombongan iaitu Pn Wickham yang berminat tentang kajian bintang mengharapkan agar Nurul Hafsa berjaya mengembalikan bintang-bintang di langit Kuala Selangor. Pembaca ingin mengetahui kerjasama yang akan dilakukan oleh mereka untuk mengembalikan bintang di langit.

(Jawapan lain yang sesuai diterima)

[Maksimum : 7 markah]

- 4(b) Latar masyarakat**
- Novel Pantai Kasih**
- (i) Masyarakat yang berpendidikan tinggi
 - Dr Raiha dan Dr Uwang merupakan golongan terpelajar dan lulusan dalam bidang perubatan dari universiti tempatan yang terkemuka. Mereka ialah doktor pakar bedah yang bertugas di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
 - Unong Siron merupakan seorang pesakit yang berlulusan sarjana dengan bantuan biasiswa kerajaan. Dia bakal melanjutkan pelajaran ke luar negara.
 - (ii) Masyarakat yang berdedikasi
 - Dr Raiha sangat dedikasi menjalankan tugasnya sebagai pakar bedah di PRPK. Dia melakukan pembedahan sendi pinggul Unong Siron dengan penuh tanggungjawab selepas Dr Uwang gagal menyembuhkan pesakit tersebut setelah lima kali menjalankan pembedahan.
 - Dr Uwang telah membangunkan PRPK daripada sebuah pusat rawatan yang kecil menjadi sebuah pusat rawatan eksklusif yang mempunyai wad Super VIP dan dilengkapi peralatan serba canggih.
 - (iii) Masyarakat penyayang
 - Dr Raiha sangat menyayangi anaknya iaitu Rohayu yang mengalami sindrom Down. Dia tetap mempertahankan kandungannya walaupun suaminya memaksa untuk menggugurkannya. Malah dia sendiri yang menjaga anaknya walaupun suaminya mahu menghantar ke pusat rawatan khas.
 - Ibu Unong Siron sanggup berhabis-habisan untuk menyembuhkan kecederaan yang dialami oleh anaknya kerana terlibat dalam kemalangan. Dia menunggu anaknya yang menjalani pembedahan di luar bilik bedah dan menemani anaknya di dalam wad kelas biasa dengan tidur di atas lantai beralaskan tikar mengkuang usang.
 - (iv) Masyarakat yang angkuh dan tamak
 - Dr Uwang dan Dr Sadiz merupakan individu yang angkuh dengan kebolehan diri sendiri dan tamak mengaut keuntungan. Dr Uwang menggunakan alat ganti bermutu rendah kepada pesakitnya untuk memperoleh keuntungan.
 - Dr Sadiz angkuh dengan kehebatannya sebagai pakar perunding pembedahan terkemuka di Hospital Kinabalu. Dia tidak mahu menerima kenyataan anaknya yang mengalami sindrom Down dan memaksa isterinya untuk menggugurkan kandungannya.
 - (v) Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup
 - Dr Raiha tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kematian anak tunggalnya iaitu Rohayu yang telah mati dalam kebakaran yang melibatkan kereta suaminya.
 - Beliau juga tabah berhadapan dengan sikap suaminya yang ego, panas baran dan kejam sehingga sanggup memaksanya menggugurkan kandungannya yang cacat.

Novel Bimasakti Menari

- (i) Masyarakat yang cinta akan alam sekitar
 - Nurul Hafsa, Muhammad Taufik, Budiman dan Pn Wickham merupakan golongan yang mencintai alam sekitar. Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik cuba mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor melalui projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor agar bintang dapat dilihat pada malam hari.
 - Muhammad Taufik turut memagar Sungai Kuantan supaya populasi kelip-kelip di Kuala Selangor tidak pupus.
- (ii) Masyarakat yang berpelajaran tinggi
 - Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman merupakan golongan terpelajar lulusan universiti. Nurul Hafsa melanjutkan pelajaran dalam bidang fizik dan kaji falak serta bertugas sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor.
 - Muhammad Taufik pula mempunyai sarjana dalam bidang kejuruteraan berjaya menghasilkan projek Ikhtiar Teknoalam, iaitu projek rumah mesra alam komersial.
- (iii) Masyarakat golongan korporat
 - Tan Sri Muhammin dan Dato' Johann Arlington-Majid merupakan golongan korporat yang menjadikan bidang perniagaan lampu sebagai kerjaya mereka. Pelaksanaan projek kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor akan menjelaskan tender penggantian lampu oleh syarikat milik Dato' Johann. Tan Sri Muhammin telah bersedia untuk tender pelan pencahayaan yang mesra alam.
- (iv) Masyarakat yang mengamalkan semangat setia kawan
 - Budiman telah menyelamatkan Muhammad Taufik yang cedera dan terbaring di tepi jalan kerana dipukul oleh penjahat. Muhammad Taufik telah dihantar ke Hospital Besar Tanjung Karang menaiki ambulans.
 - Muhammad Taufik juga telah berusaha menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik oleh penjahat. Dia kemudiannya turut diculik dan akhirnya dibebaskan dengan bantuan polis.
- (v) Masyarakat yang tamak dan dendam
 - Dato' Johann Arlington-Majid amat mendendamai Tan Sri Muhammin kerana berjaya mengahwini Maryam @ Marion Wickham Abdullah, iaitu wanita yang pernah dicintainya pada suatu masa dahulu. Dendamnya timbul kembali apabila mendapati Tan Sri Muhammin memasuki tender menyediakan lampu mesra alam untuk menerangi Kuala Selangor. Dia amat marah kerana tendernya telah ditolak yang menyebabkannya kerugian.

(Jawapan lain yang sesuai diterima)

[Maksimum 8 markah]